

22/08/2000

PM saran kumpul pengetahuan

Mohd Fuad Razali in Maputo (Mozambique)

MAPUTO (Mozambique), Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, negara membangun memerlukan cara berfikir baru bagi membolehkan mereka membina paradigma baru pembangunan supaya tidak mengulangi kesilapan dalam menghadapi globalisasi.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu kerana propaganda mengenai kebaikan ekonomi terbuka dan liberal yang dicanangkan sekarang, memberi gambaran seolah-olah kedaulatan sebuah negara tidak begitu penting.

Sehubungan itu, beliau menyarankan negara membangun memberi penekanan kepada pengumpulan pengetahuan dalam semua bentuk supaya tidak terlalu jauh ketinggalan, walaupun tidak menyamai negara maju.

"Pengetahuan adalah kuasa bagi semua warga dunia dan merentasi semua peringkat kegiatan ekonomi. Ia tidak terhad kepada tahap teknologi dan sektor teknologi komunikasi maklumat yang kita sangkakan selama ini," katanya.

Berucap di jamuan sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 2000, di sini malam ini, Dr Mahathir berkata negara membangun perlu mempertingkatkan kerjasama bagi mendapatkan kekuatan menghadapi globalisasi yang boleh memberi kesan buruk terhadap pertumbuhan ekonomi mereka.

Katanya, amalan perkongsian pintar yang diwujudkan di kalangan negara dunia ketiga amat bertepatan serta menjanjikan kesan lebih besar bagi menghadapi tekanan globalisasi.

"Perkongsian pintar boleh membantu menyatukan kesedaran dan tindakan serta membentuk pendirian dan mendorong tindakan bersama untuk melawan sebarang kesan buruk akibat tekanan globalisasi terhadap pertumbuhan ekonomi.

"Dialog seperti ini sesuai untuk berunding dan berkongsi pandangan dan pengalaman serta menghasilkan hubungan berterusan antara anggota dan rakan kongsi dalam dialog," katanya.

Dalam ucapan bertajuk 'Perkongsian Bijak Ke arah Ekonomi Baru' itu, Dr Mahathir mengingatkan negara membangun bahawa globalisasi bukan saja satu proses tetapi sudah menjadi satu ideologi.

Globalisasi dan liberalisasi perdagangan terus dikumandangkan dalam semua forum antarabangsa atas alasan ia boleh membawa kehidupan yang lebih baik bagi semua manusia.

"Ideologi ini disogokkan kepada kita sebagai penuh dengan manfaat. Saya mengambil masa panjang dan sukar untuk mendapatkan bukti kemungkinan ini adalah benar.

"Tetapi selepas meneliti secara menyeluruh, ia menuju ke arah sebaliknya. Malangnya, kesan buruk globalisasi yang dideritai banyak di kalangan kita jarang dinyatakan atau dibincangkan.

"Jika ada pun, ia tidak dianggap berpunca daripada globalisasi, sebaliknya dikaitkan dengan perkara lain seperti kelemahan pengurusan, kurang demokrasi dan kronisme," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika negara membangun tidak berwaspada dan apabila kepentingan rakyat serta negara diperjudikan atas asas ideologi, ia akan membawa mala petaka kepada proses pembinaan bangsa.

"Kita lihat sudah berapa banyak ideologi memusnahkan negara, tetapi apabila sesuatu ideologi baru diketengahkan, kita menerimanya sebagai penyelesaian yang tepat dan sempurna kepada semua masalah," katanya.

Beliau berkata, globalisasi memerlukan penelitian serius dan kerana itu,

negara membangun perlu mengatur strategi untuk bertindak balas terhadap isu besar mengenainya.

Ia meliputi globalisasi perniagaan dan liberalisasi perdagangan, pembangunan mapan, ekonomi berasaskan pengetahuan serta kesedaran sosiopolitik seperti demokrasi, peraturan undang-undang dan hak asasi manusia.

Dr Mahathir berkata, liberalisasi perdagangan yang dicanangkan sekarang sekarang hanya memberi manfaat kepada kumpulan tertentu.

Malah beliau yakin negara maju sebenarnya tidak berminat sama sekali dengan apa yang dikatakan sebagai persaingan setara.

"Globalisasi sebenarnya bermaksud kemasukan produk negara maju ke dunia sedang membangun. Malah, tarif yang tinggi masih dikenakan di negara maju bagi sektor seperti pertanian, tekstil dan besi yang mempunyai faedah bandingan bagi negara membangun.

"Jika tidak tarif, mutu, subsidi, keadaan buruh dan hak asasi manusia pula dijadikan syarat. Matlamatnya ialah terus mengenakan perubahan yang bertentangan dengan kepentingan kita," katanya.

(END)